

Kebebasan kehakiman OCT terpelihara: PM

① Foreign Trips

NEW YORK, Jumaat — Kebebasan badan kehakiman di Malaysia tetap terpelihara kerana kerajaan tidak berkuasa memecat mana-mana hakim kecuali tribunal yang dianggotai oleh hakim sendiri yang boleh mencadangkan demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menjawab soalan di Seminar Pelaburan Malaysia di sini semalam, Perdana Menteri berkata, apa yang berlaku ke atas bekas Ketua Hakim Negara baru-baru ini tidak ada kaitan dengan politik atau kerajaan.

"Pertelingkahan yang berlaku ialah di antara bekas Ketua Hakim Negara dengan Yang di-Pertuan Agong, bukan dengan ahli politik. Beliau menulis surat kepada Yang di-Pertuan Agong yang mengandungi unsur pembohongan dan boleh memecah-belahkan sultan.

"Seri Paduka yang berhak melantik tribunal, tetapi setelah tribunal dilantik, bekas Ketua Hakim Negara memilih tidak mahu membela dirinya di hadapan tribunal," kata Perdana Menteri menjawab pertanyaan Presiden The Asia Society Encik Robert B Oxnham yang mempengerusikan seminar itu.

Seminar anjuran bersama Mida, The Asia Society dan Citibank itu dihadiri oleh kira-kira 150 usahawan dan ahli perniagaan Amerika.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri menjelaskan peluang pelaburan dan dasar pengswastan Malaysia dan mempelawa usahawan Amerika menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk memasuki pasaran Jepun dan China.

Selain ditanya mengenai bidang kehakiman dan politik, Perdana Menteri juga disoal mengenai kemasukan Proton Saga ke Amerika, dasar selepas 1990 dan

Daripada AHMAD NAZRI ABDULLAH

pelaburan Jepun di Malaysia.

Perdana Menteri mengambil masa yang agak panjang menjelaskan kedudukan sebenar isu pemecatan Ketua Hakim Negara dan perkembangan politik Malaysia.

Menurut Perdana Menteri, apa yang berlaku ke atas bekas Ketua Hakim Negara tidak perlu dipertikaikan kerana semuanya memenuhi kehendak perlembagaan.

"Kedudukan hakim di Malaysia lebih terjamin berbanding beberapa negara lain. Di Britain kuasa kehakiman boleh digugat oleh Lord Chancellor yang juga menganggotai kabinet.

Pemecatan

"Di Britain, Amerika, Kanada, Sri Lanka dan beberapa negara lain banyak hakim telah dipecat tetapi tidak siapa yang menuduh negara itu diktator," katanya.

Perdana Menteri selanjutnya menjelaskan tribunal yang ditubuhkan adalah tribunal yang paling adil kerana ia dianggotai oleh dua hakim bersara, dua hakim sedang berkhidmat dan dua hakim dari negara asing.

"Tentulah tidak masuk akal jika ada pihak yang menuduh hakim-hakim itu, terutama hakim dari negara asing sanggup mencemarkan nama baik mereka bagi memenuhi kehendak Perdana Menteri negara asing," katanya.

Mengenai politik negara, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan apa yang ber-

laku dalam Umno sekarang hanyalah perkara kecil yang tidak akan mengugat kedudukan kerajaan.

Katanya, kerajaan Barisan Nasional mempunyai lebih 2/3 majoriti di Parlimen walaupun baru-baru ini 13 daripada Ahli Parlimen mengisytiharkan menjadi ahli bebas.

"Kami mencapai kemenangan terbesar sejak 30 tahun lalu dalam pilihanraya 1986. Ketika itu parti pembangkang juga mendakwa mereka akan mencapai kemenangan terbesar.

"Jika anda bertanya kepada pembangkang, tentulah mereka akan berkata mereka juga mempunyai pengaruh. Begitu halnya dengan segelintir bekas ahli Umno sekarang. Mereka juga mendakwa mempunyai pengaruh.

"Suka saya jelaskan di sini, Umno yang telah didaftar semula kini mempunyai sejuta ahli. Kami mendaftar ahli menggunakan komputer, jadi semuanya ahli yang masih hidup. Tidak ada ahli palsu dalam Umno sekarang," katanya.

Mengenai Proton Saga, Perdana Menteri menjelaskan rancangan mengeksport kereta kebangsaan itu ke Amerika tetap diteruskan.

Beliau menafikan laporan di beberapa akhbar Amerika baru-baru ini yang mengatakan Proton Saga tidak akan dieksport ke Amerika.

Perdana Menteri mempunyai aturcara yang sibuk di New York. Selain berucap di seminar pelaburan, Perdana Menteri juga dijemput berucap di majlis anjuran Majlis Perhubungan Luar (Council on Foreign Relation) sebuah badan sukarela yang dianggotai oleh ahli perniagaan dan pegawai tinggi kerajaan.